

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana dakwaan mengenai harga hartanah akan mengalami penurunan harga pasca COVID-19. Dan apakah unjuran keadaan pasaran hartanah separuh tahun kedua ini serta untuk tahun hadapan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, wabak COVID-19 yang melanda telah menjejaskan banyak sektor termasuklah sektor pembinaan perumahan. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang lalu bagi memerangi penularan pandemik tersebut. Sehubungan itu, sektor hartanah telah terjejas dengan penutupan sementara tapak-tapak projek dan aktiviti-aktiviti penjualan. YAB Perdana Menteri juga dalam ucapan beliau pada 5 Jun 2020 telah menyatakan bahawa **“akibat penularan wabak COVID-19, ekonomi dunia kini menghadapi krisis yang terburuk sejak zaman Kemelesetan Ekonomi atau *Great Depression* pada tahun 1930-an”**. Unjuran IMF pada bulan April 2020 mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi global adalah pada kadar negatif 3 peratus dan negara-negara maju turut mengalami penguncupan ekonomi, termasuklah Malaysia.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia Suku Pertama 2020 dan unjuran pasaran hartanah belum dikeluarkan oleh pihak Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Kementerian Kewangan Malaysia. Oleh itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai maklumat dan data yang tepat mengenai dakwaan penurunan harga rumah di pasaran disebabkan kesan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.